



KESELAMATAN BAHAN KIMIA



PENGENALAN

Bahan kimia, sama ada tulen atau campuran, boleh wujud dalam bentuk pepejal, cecair atau gas.

Bahan kimia berbahaya adalah bahan kimia yang memiliki ciri-ciri atau sifat yang dapat menimbulkan pelbagai risiko dan membahayakan kesihatan manusia, haiwan dan lingkungan.



SENARAI SEMAK KESELAMATAN BAHAN KIMIA

- ✓ Menyediakan akses mudah kepada 'Safety Data Sheet'.
- ✓ Sentiasa peka terhadap semua bahaya termasuk risiko tindak balas kimia.
- ✓ Pastikan aliran udara di kawasan penyimpanan mencukupi.
- ✓ Jangan makan, minum atau merokok semasa mengendalikan bahan kimia.
- ✓ Pastikan bekas bahan kimia ditutup rapat selepas digunakan.
- ✓ Ketahui dan fahami keperluan penyimpanan bagi setiap jenis bahan kimia.

AMALAN (DO'S)

- ✓ Hadkan akses ruang penyimpanan kepada kakitangan yang dibenarkan sahaja.
- ✓ Baca label dan patuhi arahan.
- ✓ Gunakan PPE seperti yang diperlukan.
- ✓ Pastikan bahan kimia disusun dengan selamat.
- ✓ Rancang langkah awal bagi menangani risiko tumpahan.



LARANGAN (DON'TS)

- ✗ Jauhkan bahan kimia daripada saluran pernafasan (hidung dan mulut).
- ✗ Elakkan kontak fizikal bahan kimia dengan kulit, mata dan anggota badan yang terdedah.
- ✗ Jangan tinggalkan bahan kimia tanpa pengawasan.
- ✗ Jangan campur produk bahan kimia yang berbeza.



PIKTOGRAM 'GLOBALLY HARMONIZED SYSTEM' (GHS)

RISIKO KIMIA/FIZIKAL



BAHAN MUDAH TERBAKAR

Mudah terbakar jika terdedah kepada sumber panas, percikan api atau haba.



BAHAN KOROSIF

Boleh menyebabkan luka melecur dan kerosakan kekal pada mata.



BAHAN LETUPAN

Boleh meletup jika terdedah kepada api, haba, hentakan atau geseran.



GAS TERMAMPAT

Mengandungi gas yang berada di bawah tekanan tinggi, yang boleh menjadi berbahaya jika dilepaskan secara tiba-tiba.



BAHAN PENGOKSIDAAN

Melepaskan oksigen dengan mudah, sangat reaktif dan boleh menyebabkan kebakaran.

RISIKO KESIHATAN



SANGAT TOKSIK

Boleh mengancam nyawa walaupun dalam jumlah kecil dan pendedahan jangka pendek.



TOKSIK AKUT

Boleh menyebabkan iritasi atau kesan toksik yang kurang serius jika tertelan atau tersedut.



BAHAYA KESIHATAN

Boleh menyebabkan kesan kesihatan serius jangka pendek atau panjang.

RISIKO ALAM SEKITAR



BAHAYA ALAM SEKITAR

Toksik kepada organisma akuatik dan boleh menyebabkan kesan berpanjangan terhadap ekosistem.



1. Risalah SHENA: Safe Handling of Hazardous Chemicals at Workplace



2. Piktogram United Nation's GHS (Globally Harmonised System)



3. Chemical Hazards Communication Society, United Kingdom

